



TEKS UCAPAN

YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON
PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
KURSUS PENGUKUHAN SWIFT WATER RESCUE DAN
KURSUS PENGUKUHAN JURULATIH KADET BOMBA
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK

PADA
KHAMIS / 29 MEI 2025 BERSAMAAN ZULKAEDAH 1446H

JAM
11.30 PAGI

DEWAN PREMIER DATO' Ts. MOHAMMAD HAMDAN,
IBU PEJABAT JBPM NEGERI PERAK

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin

Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil
Anbiya'e Wal Mursalin Saidina
Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi
Ajma'in

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Selamat petang, Salam
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra dan
Salam Malaysia Madani

Yang berusaha saudara/saudari pengacara majlis,

Terima kasih kepada pembaca doa kita

.....
yang telah mendoakan untuk kebaikan dan
kesejahteraan kita semua bagi majlis ini,

[Salutasi berdasarkan pengesahan kehadiran terkini]

Penguasa Kanan Bomba II

Umrani bin Che Mat

Penolong Pengarah Bahagian Latihan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

PgB Fatkhiah binti Mohd Salikon

Penyelaras Kursus Pengukuhan Jurulatih Kadet Bomba,

TPgB II (TBKII) Roshida binti Ismail

Penyelaras Kursus Pengukuhan Swift Water Rescue

PPgB Sharudi bin Muhamad Halil

Ketua Balai, BBP Gopeng

Para Penceramah JBPM Negeri Perak, Peserta-peserta kursus

Seterusnya tuan/puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T dengan izinNya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam **Majlis Perasmian Penutupan Kursus Pengukuhan Jurulatih Kadet Bomba dan Kursus Pengukuhan *Swift Water Rescue (SWR)* Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025** yang telah berlangsung selama 3 hari mulai 27 Mei hingga 29 Mei 2025 di Kuala Razila Resort, Gopeng.

2. Saya ingin mengucapkan tahniah terutama kepada Bahagian Latihan yang telah berjaya menganjurkan kursus ini yang dijalankan serentak dua kursus di tempat yang nyaman dan tenang luar dari kesibukan tugas-tugas harian tuan-tuan. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada

semua peserta kursus Pengukuhan JL Kadet Bomba dan Pengukuhan SWR JBPM Negeri Perak yang telah terpilih bagi mengikuti kursus ini dan telah menamatkan kursus dengan jayanya selama kursus ini berlangsung.

3. Saya juga berharap agar objektif kursus ini dicapai bagi melahirkan pegawai bomba yang mahir dan cekap semasa menjalankan tugas serta memangkin tahap pengetahuan, kemahiran dan kebolehpayaan terhadap tugas-tugas Jabatan yang semakin mencabar. Sebagai sebuah agensi tindakan kecemasan yang utama, pegawai bomba perlu mempunyai tahap kompetensi yang tertinggi bagi melaksanakan tugas dengan profesional, cekap dan berkesan bagi memenuhi tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

4.Saya difahamkan seramai 65 orang pegawai bomba Gred KB 1 hingga Gred KB 4 dan PBB terlibat dalam kursus yang dianjurkan pada kali ini iaitu seramai 35 orang peserta bagi Kursus Pengukuhan Jurulatih Kadet Bomba dan 30 orang peserta bagi Kursus Pengukuhan SWR.

5. Bagi Kursus Pengukuhan Jurulatih Kadet Bomba, Bahagian Latihan ingin menekankan Objektif Rasmi Kursus Jurulatih Kadet Bomba adalah

- Memberi garis panduan kepada pegawai bomba negeri dalam mengendalikan latihan kepada guru kadet bomba dan melayakkan guru mendapatkan sijil serta tanda pangkat. [OBJ]

- Memberi pengetahuan berhubung fungsi dan tanggungjawab dalam mengendalikan Pasukan Kadet Bomba. [OBJ]
- Meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam aspek pengurusan dan perancangan aktiviti Pasukan Kadet Bomba. [OBJ]
- Memberi kefahaman mengenai peraturan peraturan dan tatasusila dalam mengendalikan Pasukan Kadet Bomba. [OBJ]
- Membentuk jurulatih sebagai pemimpin unit beruniform yang berwibawa, mampu memberikan pelajaran dan pengetahuan secara teori dan amali bagi melaksanakan program di sekolah. [OBJ]

- Memberikan panduan dalam pengendalian aktiviti dalam Pasukan Kadet Bomba di sekolah. [OBJ]
- Menambahkan minat guru dan murid untuk berkecimpung dalam Kadet Bomba. [OBJ]
- Membolehkan jurulatih mengembangkan idea kreatif dan kritis semasa menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang. [OBJ]
- Membolehkan jurulatih yang mengajar guru bagi melatih kadet dan membantu JBPM terhadap pengetahuan kebombaian di sekolah dan pada Masyarakat. [OBJ]
- Jurulatih yang terlatih adalah menjadi rujukan dalam melaksanakan kursus Kadet Bomba di sekolah jagaan. [OBJ]
- Membentuk sikap dan tanggungjawab sebagai jurulatih serta memberikan

pengetahuan kepimpinan bagi
mengendalikan unit beruniform. [OBJ]

6. Oleh yang demikian dengan pengánjuran kursus ini saya berharap tuan-tuan sebagai Jurulatih Kadet Bomba JBPM Negeri Perak dapat memastikan guru-guru yang terlibat dalam program Kadet Bomba di sekolah memiliki pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk membimbing pelajar dengan berkesan serta menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan disiplin pelajar melalui aktiviti kebombaan.

7. Bagi Kursus Pengukuhan SWR pula adalah merupakan satu bentuk latihan penyelamat teknikal khusus yang digunakan di sungai dan persekitaran air bergerak lain (rapid area). Ia

melibatkan penyelamatan dalam air yang bergerak lebih pantas daripada 1.15 mph atau 1 knot, memerlukan kakitangan dan peralatan terlatih khas. Aspek utama termasuk mengenal pasti risiko, teknik menyelamatkan diri dan pelbagai pilihan menyelamatkan, selalunya melibatkan peralatan khusus seperti tali dan sistem kelebihan mekanikal.

8. Saya difahamkan berbagai teknik-teknik pembelajaran yang ditekankan selama 3 hari kursus ini berlangsung antaranya *Body Control*, *Swimming Technic*, *Body Crossing With Line*, *River Crossing* dan pelbagai lagi teknik bagi tujuan penyelamatan dengan peralatan-peralatan yang tertentu.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

9. Menjadi harapan saya agar semua peserta yang terlibat kursus-kursus ini dapat mengaplikasikan sebaik mungkin apa yang telah dipelajari bagi mengukuhkan lagi pengetahuan dalam tugas dan tanggungjawab tuan sebagai bomba dan penyelamat. Saya yakin apa yang dipelajari dan diperolehi dari tenaga pengajar sepanjang tempoh kursus ini akan dipraktik dan dikongsi apabila tuan tuan balik ke balai nanti.

10. Tidak dilupakan disini, peranan penceramah sebagai tenaga pengajar merupakan tonggak utama kejayaan setiap kursus, jadi Jabatan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan penceramah dan fasilitator yang telah mencurahkan ilmu tanpa jemu demi memastikan hasrat Jabatan melahirkan personnel

yang profesional, berintegriti dan kompeten terhadap tugas dan tanggungjawab, bersesuaian dengan pangkat dan jawatan yang disandang. Semoga ilmu dan pengetahuan yang telah tuan-tuan kongsiikan kepada semua peserta akan dimanfaatkan sebaik mungkin semasa bertugas nanti.

11.Akhir kata saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan semua yang menamatkan kursus ini dengan jayanya. Semoga dengan kursus yang dihadiri ini tuan-tuan dapat meningkatkan lagi prestasi dan mutu perkhidmatan tuan sebagai badan penyelamat yang berprestasi tinggi disamping meningkatkan lagi imej Jabatan di mata masyarakat dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan berkesan.

PENUTUP

**Tuan-Tuan/Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,**

3. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutupan Kursus Pengukuhan Jurulatih Kadet Bomba dan Kursus Pengukuhan Swift Water Rescue (SWR) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025 dengan penuh harapan agar segala ilmu, pengalaman dan semangat yang diperoleh sepanjang kursus ini dapat diterjemahkan dalam tugas harian demi kecemerlangan jabatan dan kesejahteraan masyarakat.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.